

25 SEP 1998

MAHATHIR: PEMBANGUNAN FRANCAIS BERKEMBANG PESAT

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata konsep francais di Malaysia sudah diterima dan sedang berkembang pesat.

Berucap di Persidangan Pameran Francais Malaysia' 98, beliau berkata perniagaan francais adalah alat kerajaan dalam usaha menyeimbangi kedudukan ekonomi kaum di Malaysia.

"Perkembangan francais akan turut membantu ke arah pemulihan ekonomi negara," kata Dr Mahathir, yang juga penaung Persatuan Francais Malaysia.

Katanya memandangkan kesan kegawatan ekonomi telah berkurangan, mudahtunai bertambah baik dan para peniaga kini boleh menjalankan perniagaan mereka dengan sempurna.

"Soal pembiayaan atau soal modal, tidak menjadi perkara rumit asalkan peniaga-peniaga itu mempunyai cagaran yang mencukupi," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga menggesa para peniaga francais yang menghadapi kesulitan, apabila ingin mendapat pinjaman, supaya menghubungi urusetia Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

"MTEN akan uruskan perkara ini dengan bank, dan akan mendapatkan penjelasan daripada bank mengapa para peniaga tersebut tidak diberikan pinjaman," katanya.

Dr Mahathir berkata antara cubaan awal Malaysia dalam bidang francais ialah perniagaan satay, tetapi ia (francais satay) tidak berjaya kerana tidak mendapat sambutan.

Bagaimanapun, beliau gembira hari ini banyak perniagaan telah difrancaiskan, seperti perniagaan restoran, hotel dan barangan kemas.

-- BERNAMA

AA MA RI